



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7961  
Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

---

## KENYATAAN MEDIA

oleh  
**KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

### **PENCALONAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2013**

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar akan mula membuka pencalonan untuk penganugerahan **Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP)** **Bagi Tahun 2013** selama tiga (3) bulan **mulai 1 Julai 2012 hingga ke pada 1 Oktober 2012.**

2. Semua **permohonan pencalonan perlu dibuat secara online** dengan melayari laman web rasmi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar iaitu [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my).
  
3. Pencalonan bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan adalah **terbuka kepada warga Wilayah Persekutuan** yang banyak berjasa membangun dan memajukan Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dalam pelbagai bidang. Bagi mereka yang bukan pemastautin dalam Wilayah Persekutuan tetapi memberi sumbangan dan khidmat yang cemerlang untuk Wilayah Persekutuan, boleh juga dicalonkan.

4. Permohonan boleh dibuat dengan menggunakan borang-borang mengikut kategori pencalonan seperti berikut :

Kategori Calon	Jenis Borang
<b>Perkhidmatan Awam</b>	<b>A</b>
<b>Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun</b>	<b>B</b>
<b>Swasta/Persatuan/ Sukarela/ Sukan</b>	<b>C1/C2/C3/C4</b>
<b>Warganegara Asing</b>	<b>D</b>
<b>Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia</b>	<b>E</b>
<b>Perkhidmatan Polis DiRaja Malaysia</b>	<b>F</b>
<b>Pertubuhan Politik</b>	<b>G</b>

5. Penganugerahan **Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) Bagi Tahun 2013** akan disempurnakan pada tanggal 1 Februari 2013 sempena dengan **Sambutan Hari Wilayah Persekutuan.**

6. Perlu dijelaskan bahawa **semua permohonan pencalonan hendaklah mematuhi kriteria dan syarat-syarat yang ditetapkan.** Calon-calon yang dipilih sebagai penerima bagi tahun 2013 akan diberitahu pada awal bulan Januari 2013 untuk dijemput hadir ke Majlis Istiadat Penganugerahan DKBPWP.

7. Sebarang pertanyaan untuk maklumat lanjut mengenai pencalonan anugerah DKBPWP boleh berhubung terus kepada:

**Urus setia Jawatankuasa  
Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan  
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah  
Presint 2,  
62100 PUTRAJAYA**

**Tel: 03-8889 7888/7967/7945/7815/7870/7871/7986**

**Faks: 03-8889 7961**

**E-mel: dkbpwp@kwpkb.gov.my**

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**DATO' HJ. AHMAD PHEBAL BIN TALIB**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Dan Kesejahteraan Bandar

26 Jun 2012  
PUTRAJAYA

s.k : YBhg. Dato' TKSU (KBP)  
YBhg. Dato' TKSU (PP)